



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2025

INDEKS KETERBUKAAN PERDAGANGAN (IKP) MALAYSIA BAGI TAHUN 2024 MENINGKAT KEPADA 149.0 DENGAN PULAU PINANG DAN JOHOR MASING-MASING MEREKODKAN IKP TERTINGGI DENGAN NILAI INDEKS 542.6 DAN 326.8 PADA TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 16 JUN 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan mengenai keluaran **STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2025** bagi tahun rujukan 2024 yang mencatatkan jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM2.9 trilion pada tahun 2024 dengan nilai eksport RM1.5 trilion dan import bernilai RM1.4 trilion. Lima (5) negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Johor, W.P. Kuala Lumpur dan Sarawak mencatatkan sumbangan 81.6 peratus daripada jumlah perdagangan pada tahun 2024. Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri telah diterbitkan buat julung kali dalam 15 siri penerbitan bagi setiap negeri di Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks keterbukaan perdagangan bagi tahun 2024 telah direkodkan pada 149.0 berbanding 144.6 pada tahun sebelumnya. Indeks keterbukaan perdagangan mengukur kebergantungan perdagangan antarabangsa bagi barangan terhadap ekonomi. Indeks ini boleh digunakan untuk menilai kepentingan perdagangan terhadap ekonomi di peringkat nasional dan negeri. Pada tahun 2023, empat (4) negeri mencatatkan indeks yang lebih tinggi berbanding paras nasional iaitu Pulau Pinang 542.6 (2022: 626.9), Johor 326.8 (2022: 367.4), W.P. Labuan 229.3 (2022:336.9) dan Kedah 220.1 (2022: 227.7). Sementara itu, indeks

keterbukaan perdagangan mengikut negeri untuk tahun 2024 masih dalam peringkat penyusunan data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri dan akan diterbitkan dalam keluaran berikutnya (Jadual 1).

Mengulas prestasi perdagangan keseluruhan bagi tahun 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport mengikut negeri menunjukkan eksport pada tahun 2024 bernilai RM1.5 trilion, meningkat sebanyak 5.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM61.7 bilion), Johor (+RM28.3 bilion), Selangor (+RM28.0 bilion), Perak (+RM10.8 bilion), Terengganu (+RM6.4 bilion), Sarawak (+RM4.4 bilion), Kedah (+RM1.8 bilion), Pahang (+RM1.0 bilion), Melaka (+RM457.5 juta), Kelantan (+RM311.4 juta) dan Negeri Sembilan (+RM272.1 juta). Walau bagaimanapun, eksport menurun di Sabah (-RM59.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM3.4 bilion), W.P. Labuan (-RM896.4 juta) dan Perlis (-RM112.8 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 32.8 peratus, diikuti oleh Johor (20.3%), Selangor (17.6%), Sarawak (7.7%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%). Pengukuhan eksport disokong oleh produk litar elektronik bersepadu terutamanya di Pulau Pinang dan Selangor. Selain itu, keluaran petroleum bertapis merupakan penyumbang utama eksport di Johor, manakala gas asli cecair (LNG) merupakan penyumbang utama di Sarawak.

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada tahun 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak 13.2 peratus atau RM159.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan import dipengaruhi oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM53.1 bilion), Johor (+RM52.5 bilion), Selangor (+RM51.3 bilion), Kedah (+RM23.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM21.5 bilion), Negeri Sembilan (+RM3.1 bilion), Melaka (+RM2.5 bilion), Perak (+RM2.4 bilion), Pahang (+RM1.4 bilion), Terengganu (+RM1.4 bilion), W.P. Labuan (+RM626.2 juta), Kelantan (+RM486.2 juta) dan Perlis (+RM438.0 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Sabah (-RM57.1 bilion) dan Sarawak (-RM619.5 juta).

Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.0 peratus, diikuti oleh Johor (23.0%), Pulau Pinang (21.4%), W.P. Kuala Lumpur (7.7%) dan Kedah (6.1%). Import

yang tinggi dicatatkan di Selangor disumbangkan oleh barangan elektrik dan elektronik yang lain. Di samping itu, keluaran petroleum bertapis merupakan penyumbang utama import di Johor, manakala litar elektronik bersepadu merupakan penyumbang utama import di Pulau Pinang dan Kedah. Selain itu, kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori merupakan produk utama import di W.P. Kuala Lumpur.

Siri data statistik perdagangan antarabangsa berkaitan eksport dan import barangan di peringkat negeri dengan seluruh dunia dalam penerbitan ini meliputi tempoh dari tahun 2019 hingga 2024. Penerbitan ini juga menyediakan statistik terperinci bagi setiap negeri mengikut komoditi utama, destinasi eksport dan negara asal, seksyen barangan, kumpulan ekonomi dan jenis perdagangan.

Statistik komprehensif Perdagangan Malaysia mengikut Negeri 2025 dihasilkan dari modul *Trade Enterprise Characteristics* (TEC), iaitu salah satu inisiatif Jabatan di bawah *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA). TEC mengintegrasikan dua domain statistik yang berbeza iaitu pangkalan data perdagangan barangan antarabangsa dan *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Statistik ini memberikan maklumat penting kepada penggubal dasar untuk merangka perancangan strategik bagi negeri-negeri yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Paparan 1: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri, 2024



Paparan 2: Tiga Produk Eksport dan Import Tertinggi Mengikut Negeri, 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI

EKSPORT 3 KOMODITI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2024



IMPORT 3 KOMODITI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2024



Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen pengantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
4. Statistik yang dipaparkan bagi tahun 2024 adalah merujuk kepada statistik provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Paparan 3: Tiga Destinasi Eksport dan Negara Asal Tertinggi Mengikut Negeri, 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI

EKSPORT 3 DESTINASI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2024



IMPORT 3 NEGARA ASAL UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2024



Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen pengantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
4. Statistik yang dipamerkan bagi tahun 2024 adalah merujuk kepada statistik provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



Paparan 4: Tiga Seksyen Barangan Eksport dan Import Tertinggi Mengikut Negeri, 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI

EKSPORT 3 SITC UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2024

 JOHOR 7 RM90,401 juta (29.5%) 3 RM87,080 juta (28.4%) 8 RM28,545 juta (9.3%)	 KEDAH 7 RM42,703 juta (72.6%) 8 RM5,996 juta (10.2%) 6 RM4,168 juta (7.1%)	 KELANTAN 3 RM1,446 juta (35.5%) 2 RM1,442 juta (35.4%) 7 RM851 juta (20.9%)
 MELAKA 7 RM16,445 juta (59.3%) 6 RM4,684 juta (16.9%) 0 RM2,029 juta (7.3%)	 NEGERI SEMBILAN 7 RM14,333 juta (59.2%) 6 RM2,768 juta (11.4%) 8 RM2,364 juta (9.8%)	 PAHANG 6 RM13,361 juta (42.5%) 5 RM10,526 juta (33.5%) 2 RM3,075 juta (9.8%)
 PULAU PINANG 7 RM380,968 juta (77.0%) 8 RM89,115 juta (18.0%) 5 RM9,234 juta (1.9%)	 PERAK 7 RM18,089 juta (43.3%) 2 RM6,566 juta (15.7%) 8 RM6,205 juta (14.8%)	 PERLIS 8 RM389 juta (32.3%) 0 RM369 juta (30.6%) 7 RM195 juta (16.2%)
 SELANGOR 7 RM101,704 juta (38.3%) 6 RM39,996 juta (15.1%) 5 RM33,965 juta (12.8%)	 TERENGGANU 3 RM11,902 juta (55.4%) 6 RM5,935 juta (27.6%) 5 RM2,229 juta (10.4%)	 SABAH 4 RM18,970 juta (59.2%) 3 RM6,872 juta (21.4%) 5 RM2,857 juta (8.9%)
 SARAWAK 3 RM68,811 juta (59.0%) 6 RM18,655 juta (16.0%) 4 RM17,222 juta (14.8%)	 W.P. KUALA LUMPUR 5 RM16,081 juta (24.8%) 3 RM15,387 juta (23.8%) 7 RM11,009 juta (17.0%)	 W.P. LABUAN 3 RM3,767 juta (51.6%) 5 RM2,098 juta (28.7%) 6 RM1,193 juta (16.3%)

IMPORT 3 SITC UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2024

 JOHOR 3 RM128,601 juta (40.8%) 7 RM88,346 juta (28.0%) 6 RM26,713 juta (8.5%)	 KEDAH 7 RM66,448 juta (79.1%) 6 RM4,661 juta (5.6%) 5 RM4,322 juta (5.1%)	 KELANTAN 2 RM942 juta (37.1%) 7 RM514 juta (20.2%) 0 RM369 juta (14.5%)
 MELAKA 3 RM20,240 juta (47.4%) 7 RM12,316 juta (28.8%) 6 RM3,688 juta (8.6%)	 NEGERI SEMBILAN 3 RM18,493 juta (41.2%) 7 RM12,488 juta (27.8%) 5 RM6,776 juta (15.1%)	 PAHANG 3 RM8,730 juta (36.6%) 5 RM5,377 juta (22.6%) 2 RM3,608 juta (15.1%)
 PULAU PINANG 7 RM223,064 juta (76.1%) 8 RM22,019 juta (7.5%) 6 RM13,583 juta (4.6%)	 PERAK 7 RM17,197 juta (50.4%) 2 RM6,265 juta (18.4%) 5 RM3,277 juta (9.6%)	 PERLIS 0 RM887 juta (51.7%) 7 RM473 juta (27.6%) 6 RM98 juta (5.7%)
 SELANGOR 7 RM138,668 juta (38.9%) 6 RM62,162 juta (17.4%) 5 RM48,068 juta (13.5%)	 TERENGGANU 3 RM1,997 juta (27.3%) 7 RM1,854 juta (25.4%) 2 RM1,426 juta (19.5%)	 SABAH 0 RM3,143 juta (28.8%) 7 RM2,958 juta (27.1%) 6 RM1,964 juta (18.0%)
 SARAWAK 7 RM6,683 juta (22.2%) 5 RM6,047 juta (20.1%) 2 RM5,383 juta (17.9%)	 W.P. KUALA LUMPUR 7 RM40,003 juta (37.9%) 8 RM16,272 juta (15.4%) 3 RM13,687 juta (13.0%)	 W.P. LABUAN 7 RM1,365 juta (38.8%) 6 RM705 juta (20.1%) 2 RM635 juta (18.1%)

Nota:

- | | | |
|--|--|---|
| 0 Makanan dan binatang hidup | 3 Bahan api galian, pelincir dan bahan berkaitan | 6 Barang-barang keluaran kilang mengikut jenis bahan |
| 1 Minuman dan tembakau | 4 Minyak, lemak dan minyak tepu binatang dan sayuran | 7 Jentera & kelengkapan pengangkutan |
| 2 Bahan mentah, tidak boleh dimakan, kecuali bahan api | 5 Bahan kimia dan keluaran berkaitan, t.t.t.l. | 8 Pelbagai barang keluaran kilang |
| | | 9 Urus niaga dan barangan yang tidak dikelaskan dimana-mana |

Nota:

- Aktiviti eksport dan import berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
- Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
- Statistik yang dipamerkan bagi tahun 2024 adalah merujuk kepada statistik provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



20 Oktober

2016 - 2030

Jadual 1: Indeks Keterbukaan Perdagangan Mengikut Negeri, 2022 – 2024

Negeri	Indeks Keterbukaan Perdagangan		
	2022	2023	2024
Malaysia	158.4	144.6	149.0
Johor	367.4	326.8	n.a.
Kedah	227.7	220.1	n.a.
Kelantan	19.3	20.6	n.a.
Melaka	145.8	127.7	n.a.
Negeri Sembilan	124.9	112.2	n.a.
Pahang	75.8	75.0	n.a.
Perak	79.3	70.1	n.a.
Perlis	45.5	39.6	n.a.
Pulau Pinang	626.9	542.6	n.a.
Sabah	48.2	37.1	n.a.
Sarawak	82.5	78.4	n.a.
Selangor	143.8	127.7	n.a.
Terengganu	61.4	60.5	n.a.
W.P. Kuala Lumpur	57.8	56.9	n.a.
W.P. Labuan	336.9	229.3	n.a.

Nota:

Ketersediaan data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri adalah sehingga tahun 2023 dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 JUN 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PRESS STATEMENT

FOR MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BY STATE 2025

MALAYSIA'S TRADE OPENNESS INDEX (TOI) FOR 2024 INCREASED TO 149.0 WITH PULAU PINANG AND JOHOR RECORDED THE HIGHEST TOI AT 542.6 AND 326.8 RESPECTIVELY IN 2023

PUTRAJAYA, 16 JUNE 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BY STATE 2025** for reference year 2024, which highlighted Malaysia's total trade in year 2024 amounted to RM2.9 trillion with exports of RM1.5 trillion and imports worth RM1.2 trillion. Five (5) states namely Pulau Pinang, Johor, Selangor, Sarawak and W.P. Kuala Lumpur contributed 81.6 per cent from total trade in year 2024. Malaysia External Trade Statistics by State were published for the first time in a series of 15 publications for each state in Malaysia.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's trade openness index in 2024 was recorded at 149.0 as compared to 144.6 in the preceding year. Trade openness index measures the dependence of international trade in goods towards the economy. This index can be used to assess the importance of trade to the economy at the national and state levels. In 2023, four (4) states registered a higher index as compared to the national level which were Pulau Pinang 542.6 (2022: 626.9), Johor 326.8 (2022: 367.4), W.P. Labuan 229.3 (2022: 336.9) and Kedah 220.1 (2022: 227.7). Meanwhile, the trade openness index by state in 2024 is still in the stage of compilation of Gross Domestic Product (GDP) by state and will be published in the next release (Table 1).

Commenting on the overall trade performance for year 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports valued at RM1.5 trillion in year 2024, increased 5.7 per cent as compared to the previous year. Higher exports were recorded in most states such as Pulau Pinang (+RM61.7 billion), Johor (+RM28.3 billion), Selangor (+RM28.0 billion), Perak (+RM10.8 billion), Terengganu (+RM6.4 billion), Sarawak (+RM4.4 billion), Kedah (+RM1.8 billion), Pahang (+RM1.0 billion), Melaka (+RM457.5 million), Kelantan (+RM311.4 million) and Negeri Sembilan (+RM272.1 million). However, exports decreased in Sabah (-RM59.3 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM3.4 billion), W.P. Labuan (-RM896.4 million) and Perlis (-RM112.8 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 32.8 per cent, followed by Johor (20.3%), Selangor (17.6%), Sarawak (7.7%) and W.P. Kuala Lumpur (4.3%). Strong expansion of exports was underpinned by electronic integrated circuits products in Pulau Pinang and Selangor. Meanwhile, refined petroleum products were the main contributors of exports in Johor, while liquefied natural gas was the main contributor of exports in Sarawak.

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in year 2024 registered an increase of 13.2 per cent or RM159.8 billion as compared to the previous year. The increase in imports was led by higher imports by most states such as Pulau Pinang (+RM53.1 billion), Johor (+RM52.5 billion), Selangor (+RM51.3 billion), Kedah (+RM23.7 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM21.5 billion), Negeri Sembilan (+RM3.1 billion), Melaka (+RM2.5 billion), Perak (+RM2.4 billion), Pahang (+RM1.4 billion), Terengganu (+RM1.4 billion), W.P. Labuan (+RM626.2 million), Kelantan (+RM486.2 million) and Perlis (+RM438.0 million). However, imports decreased in Sabah (-RM57.1 billion) and Sarawak (-RM619.5 million).

Selangor continued to dominate Malaysia's import with a share of 26.0 per cent, followed by Johor (23.0%), Pulau Pinang (21.4%), W.P. Kuala Lumpur (7.7%) and Kedah (6.1%). Higher imports recorded in Selangor was contributed by other electrical and electronics products. In addition, refined petroleum products was the main contributor of imports in Johor, while electronic integrated circuits were the main contributors of imports in Pulau Pinang and Kedah. In addition, telecommunications

equipment, parts and accessories were the main import products in W.P. Kuala Lumpur.

The statistics of Malaysia's external trade data series relating to exports and imports of merchandise at the state level with the rest of the world in this publication covers the period from 2019 to 2024. In addition, this publication provides detailed statistics for each state according to major commodities, country of destination and country of origin, commodity sections, economics grouping and type of traders.

These comprehensive statistics of Malaysia External Trade Statistics by State 2025 are generated from the Trade Enterprise Characteristics (TEC) module which is one of the Department's initiatives under the Statistics Big Data Analytics (STATSBDA). TEC integrates two different statistics domains: the international merchandise trade database and Malaysia Statistical Business Register (MSBR). These statistics provide imperative information to policymakers to formulate strategic planning for states involved in international trade.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Exhibit 1: Malaysia External Trade Statistics by State, 2024




Exhibit 2: Top 3 Export and Import Products by State, 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MALAYSIA TRADE STATISTICS BY STATE

EXPORTS OF 3 MAJOR COMMODITIES BY STATE, 2024



IMPORTS OF 3 MAJOR COMMODITIES BY STATE, 2024



Notes:

- Export and import activities that are taking place in the Supra area (including production activities beyond the centre of predominant economic interest for any state) or declarations made by the forwarding agent are not included in this infographic.
- Exports or imports value for W.P. Kuala Lumpur includes W.P. Putrajaya.
- Numbers in bracket refer to the percentage share of exports or imports in each state.
- The statistics displayed for 2024 refer to provisional statistics and subject to revision in later issues.

Source: Malaysia External Trade Statistics by State 2025, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



20 October 2016 - 2030

Exhibit 3: Top 3 Country of Destination and Country of Origin by State, 2024




Exhibit 4: Top 3 Exports and Imports of Commodity Sections by State, 2024




Table 1: Trade Openness Index by State, 2022 - 2024

State	Trade Openness Index		
	2022	2023	2024
Malaysia	158.4	144.6	149.0
<i>Johor</i>	367.4	326.8	<i>n.a.</i>
<i>Kedah</i>	227.7	220.1	<i>n.a.</i>
<i>Kelantan</i>	19.3	20.6	<i>n.a.</i>
<i>Melaka</i>	145.8	127.7	<i>n.a.</i>
<i>Negeri Sembilan</i>	124.9	112.2	<i>n.a.</i>
<i>Pahang</i>	75.8	75.0	<i>n.a.</i>
<i>Perak</i>	79.3	70.1	<i>n.a.</i>
<i>Perlis</i>	45.5	39.6	<i>n.a.</i>
<i>Pulau Pinang</i>	626.9	542.6	<i>n.a.</i>
<i>Sabah</i>	48.2	37.1	<i>n.a.</i>
<i>Sarawak</i>	82.5	78.4	<i>n.a.</i>
<i>Selangor</i>	143.8	127.7	<i>n.a.</i>
<i>Terengganu</i>	61.4	60.5	<i>n.a.</i>
<i>W.P. Kuala Lumpur</i>	57.8	56.9	<i>n.a.</i>
<i>W.P. Labuan</i>	336.9	229.3	<i>n.a.</i>

Note:

The availability of Gross Domestic Product (GDP) by state data is until 2023 and subject to revision in later issues.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 JUNE 2025**